

(R)

SARJANA SASTERA
(PENGAJIAN PERADABAN)

PEMIKIRAN ALI SHARIATI
TENTANG KETAMADUNAN

ROS AIZA BINTI MOHD MOKHTAR
AGC 00022

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR
TAHUN
2002

Perpustakaan Universiti Malaya



A511145496


PEMIKIRAN ALI SHARIATI TENTANG KETAMADUNAN

OLEH:
ROS AIZA MOHD MOKHTAR
NO. MATRIK : AGC 00022

Disertasi Ini Disempurnakan
Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Keperluan
IJAZAH SARJANA SASTERA
(PENGAJIAN PERADABAN)
Untuk
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR
TAHUN 2000/2001

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang saya telah jelaskan sumbernya”



Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar

SENARAI ISI KANDUNGAN

TAJUK KAJIAN	I
PENGAKUAN	II
SENARAI ISI KANDUNGAN	III
PENGHARGAAN	VIII
ABSTRAK	X
ABSTRACT	XI

PENDAHULUAN

I	Latar belakang masalah	2
II	Objektif kajian	3
III	Skop kajian	4
IV	Metodologi kajian	4
V	Sumber utama kajian	5
VI	Kajian-kajian lepas	6

**BAB SATU: LATAR BELAKANG PERSEKITARAN YANG MEMBENTUK
PEMIKIRAN ALI SHARIATI**

1.1	Latar belakang keluarga	26
1.2	Zaman kanak-kanak dan remaja	29
1.3	Kegiatan politik	33
1.4	Kegiatan Ali Shariati di universiti	36
1.5	Ali Shariati sewaktu di Paris	37
1.6	Ali Shariati kembali ke Iran	39
1.7	Hijrah dan kematiannya	41

BAB DUA: KONSEP KETAMADUNAN

2.1	Tamadun dari perspektif umum	44
2.1.1	Pandangan sarjana-sarjana Islam	46
2.1.2	Pandangan sarjana-sarjana Barat	49
2.2	Hubungan tamadun dan agama	52
2.2.1	Pandangan sarjana-sarjana Islam	52
2.2.2	Pandangan sarjana-sarjana Barat	54
2.3	Definisi tamadun menurut Ali Shariati	56
2.3.1	Tamadun Universal	56
2.3.2	Tamadun Etnik	57
2.3.3	Ciri-ciri tamadun dan kebudayaan	58

2.3.4	Persoalan di sebalik tamadun	59
2.4	Teori sejarah dan tamadun Ali Shariati	61
2.5	Sejarah pertentangan dalam tamadun manusia	66

BAB TIGA: KETAMADUNAN ISLAM SEBAGAI ASAS KAJIAN

3.1	Pendekatan Ali Shariati dalam memahami Islam	80
3.2	Pendekatan Ali Shariati dalam memahami tamadun dengan kaedah sosiologi Islam	84
3.3	Islamologi atau ideologi Islam sebagai asas tamadun Islam	95
3.3.1	Sarjana dan sarjana	95
3.3.2	Islam sebagai budaya lawan Islam sebagai ideologi	96
3.3.3	Idea aliran pemikiran	97
3.3.4	Infrastruktur dan suprastruktur sistem kepercayaan	98
3.3.5	Pandangan alam	99
3.3.6	Falsafah antropologi	100
3.3.7	Sosiologi	101
3.3.8	Falsafah sejarah	105
3.3.9	Ideologi	107
3.3.10	Masyarakat yang ideal (<i>utopia</i>)	109
3.3.11	Insan yang ideal (<i>ideal prototype</i>)	110
3.4	Slogan asas dalam tamadun islam di Iran	111

BAB EMPAT: MANUSIA DAN GOLONGAN INTELEKTUAL ASET

UTAMA TAMADUN

4.1	Manusia dan haiwan	118
4.2	Pandangan Ali Shariati tentang konsep dan peranan manusia	119
4.3	Misi golongan intelektual	126
4.4	Peranan golongan intelektual dalam membangunkan tamadun	131
4.5	Peranan wanita dalam tamadun Islam	145
4.5.1	Penghormatan yang dianugerahkan kepada wanita	147
4.5.2	Fatimah Az-Zahra bt. Muhammad s.a.w.	149
4.5.3	Zainab bt. Ali	150
4.5.4	Wanita pada zaman Rasulullah s.a.w.	152
4.5.5	Wanita Dunia Ketiga	153

BAB LIMA: MODENISASI BARAT DAN IDEOLOGI-IDEOLOGI MODEN

5.1	Modenisasi dari perspektif umum	158
5.2	Kupasan Ali Shariati mengenai modenisasi dan salah faham terhadapnya	161
5.3	Kupasan Ali Shariati mengenai ideologi-ideologi moden	172
5.3.1	Kapitalisme	172
5.3.2	Sosialisme atau Marxisme	176
5.3.3	Eksistensialisme	180
5.3.4	Freudanisme	184
KESIMPULAN		191
LAMPIRAN		205
BIBLIOGRAFI		211

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Al-hamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, penulis mendapat kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini sekadar kemampuan penulis yang serba kekurangan.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Dr. Abdullah @ Alwi b. Hj. Hassan, Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya selaku penyelia kepada penulis, di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang penulis menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga kepada para pensyarah yang pernah mengajar penulis di Universiti Malaya ini.

Di kesempatan ini penulis juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Negara di atas kemudahan yang diberikan.

Kepada yang amat dikasihi bonda Zainab bt. Abdullah dan ayahanda Mohd Mokhtar b. Mohd Nor, kuponon restu dan doamu selalu. Istimewa buat kekanda Abd Hakim b. Mohd Ramli dan anakanda Shafiqah, terima kasih di atas pengorbanan, dorongan dan bantuan yang diberikan. Tidak lupa juga terima kasih buat Kak Long,

Abang Long, Kak Ina, Abang Atan, Ati, Am, Ayud, Paie dan adik di atas sokongan kalian semua.

Akhirnya, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan ini. Didoakan semoga kalian mendapat hidayah dan petunjuk-Nya selalu.

Wassalam.

Ros Aiza bt. Mohd Mokhtar
No. 42, Jalan Warisan Megah 1/9,
Kota Warisan
43900 Sepang, Selangor.

17 November 2002.

ABSTRAK

Ali Shariati merupakan seorang tokoh pradaban yang bersifat dua dimensi. Dalam satu dimensi, beliau kuat berpegang kepada konsep Tawhid. Manakala dalam dimensi yang lain pula, beliau merupakan seorang yang berfikiran moden dan terbuka di mana beliau menerima aspek-aspek positif daripada tradisi masyarakatnya, Barat dan Marxisme. Beliau tampil dengan konsep dan teori peradaban yang praktikal serta mampu menjangka apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Di samping mempunyai ideologi yang lengkap sebagai asas peradaban yang dikenali dengan Islamologi, beliau tidak mengenepikan pembentuk peradaban itu sendiri iaitu golongan intelektual dalam masyarakat. Teori dan pemikirannya telah terbukti benar dan praktikal dengan kejayaan Revolusi Islam Iran dalam tahun 1979, iaitu dua tahun selepas kematiannya.

ABSTRACT

Ali Shariati was a two dimensional civilization scholar. In one dimension, he was a firm believer of the tawhidul concept. On the hand, such belief does not prevent him for being receptive and open to modern ideas as well as positive values which he saw in his people's tradition, the West and Marxisme. He came up with a practical theory and concept of civilization, capable of predicting the future. And although he had a complete ideology serving as a foundation to civilization known as Islamology, he did not deny the role of intellectuals of the society as civilization builders. His thought and theory was proven true and practical with the success of the Iranian Islamic Revolution in 1979, two years after his death.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

I Latar belakang masalah

Isu mengenai peradaban atau tamadun hangat diperbincangkan hari ini. Justeru itu, lahirlah pelbagai maksud bagi perkataan ini yang bercirikan aspek-aspek material mahupun aspek-aspek spiritual. Tidak kurang juga pelbagai teori mengenai tamadun diperkenalkan oleh sarjana Timur dan Barat. Tamadun manusia telah dikaji dengan begitu meluas menjangkau ribuan tahun yang lalu semenjak sebelum masehi lagi. Namun penekanan yang diberi masih banyak dalam bentuk sejarah yang mempamerkan kehebatan sesebuah tamadun dalam aspek fizikal atau jasmani dan juga rohani.

Penulis memilih pemikiran Ali Shariati sebagai kajian kerana, penulis melihat ada keunikan dalam teori tamadun yang diperkenalkan oleh Ali Shariati. Beliau muncul dengan teori tamadun yang cuba melihat apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Ini membuatkan Ali Shariati mampu menjadi seorang tokoh tamadun yang berjaya menyedarkan masyarakatnya ke arah tindakan berbentuk saintifik moden dan revolusionari . Perkara sebegini jarang sekali kita temui. Disebabkan latar belakang kehidupannya yang tidak memisahkan antara intelektual dan perjuangan, maka pemikirannya nampak hidup di tengah masyarakatnya.

Kupasan Ali Shariati tentang tamadun jauh lebih terkehadapan di mana beliau melihat tamadun itu bermula semenjak dunia ini dihuni oleh keluarga pertama iaitu keluarga Adam a.s. Dari sinilah bermulanya tamadun dan sekaligus pertembungan dalam tamadun manusia yang diwarisi hingga ke hari ini. Dengan kepakarannya dalam bidang sosiologi, beliau mampu membahas sejarah tamadun manusia yang awal tersebut dengan mengaitkan dengan aspek-aspek seperti persekitaran dan sumber ekonomi yang dipercayainya merupakan antara faktor pertama berlakunya pertentangan dalam tamadun manusia.

Di dalam disertasi “Pemikiran Ali Shariati Tentang Ketamadunan” ini, penulis memilih perkataan ketamaduan kerana maksud perkataan ketamadunan adalah lebih luas berbanding dengan peradaban atau tamadun. Menurut Kamus Dewan, ketamadunan bermaksud perihal tamadun iaitu segala-gala yang berkaitan peradaban atau tamadun.¹ Oleh itu, bagi penulis, perkataan “ketamadunan” amat sesuai sebagai tajuk disertasi,

II Objektif kajian

Kajian ini merangkumi beberapa objektif yang penting.

- 1- Mengkaji latar belakang persekitaran yang membentuk pemikiran Ali Shariati.
- 2- Mengkaji pandangan Ali Shariati tentang konsep ketamadunan.
- 3- Mendalami tamadun Islam menurut perspektif Ali Shariati.
- 4- Mendalami pemikiran beliau tentang peranan manusia, golongan intelektual dan wanita dalam membangunkan sebuah tamadun.

- 5- Melihat kesan serta salah faham terhadap modenisasi dan ideologi moden dalam masyarakat.

III Skop kajian

Ruang lingkup kajian ini membincangkan pemikiran Ali Shariati tentang tamadun menurut perspektif Islam dan perkaitannya dengan elemen-elemen pmodernen Barat. Oleh kerana manusia, agama, sejarah, sosiologi dan persekitaran merupakan elemen-elemen penting dalam tamadun maka pastinya kajian ini tertumpu kepada perbahasan perkara-perkara tersebut.

IV Metodologi kajian

Sebagai satu analisis terhadap pemikiran seorang tokoh dalam waktu tertentu di masa lalu, secara metodologinya penelitian ini menggunakan pendekatan sejarah. Salah satu dari penelitian sejarah itu adalah penelitian biografi, iaitu penelitian terhadap kehidupan seseorang dalam hubungannya dengan masyarakat, sifat-sifat watak, pengaruh pemikirannya dan ideanya, serta pembentukan watak tokoh semasa hayatnya.

Kaedah yang digunakan dalam pencarian data adalah penelitian perpustakaan dan internet dengan membaca buku-buku karya Ali Shariati sendiri (yang juga terdapat dalam internet) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kerana

teks asal kebanyakannya ditulis dalam bahasa Parsi serta bahan-bahan mengenainya yang ditulis oleh sarjana lain.

Dalam menganalisis data, digunakan analisa isi iaitu melakukan analisis secara mendalam terhadap makna yang terkandung dalam keseluruhan gagasan tersebut.

V Sumber utama kajian

Untuk melihat latar belakang pemikiran Ali Shariati baik latar belakang internal atau eksternal, sumber utama yang dirujuk ialah :

1. *Pioneers of Islamic Revival.*
2. Warisan Shariati.
3. *A Brief Biography of Dr. Ali Shariati.*
4. *Voices of Resurgent Islam.*

Manakala untuk mengetahui gagasan-gagasan pemikiran beliau dirujuk kepada tulisan-tulisan beliau sendiri iaitu :

1. *What is To Be Done.*
2. *On Sociology of Islam.*
3. *An Approach to the Understanding of Islam.*
4. *Islamology : The Basic Design for a School of Thought and Action, Part I, II, III, IV.*
5. *A Glance of Tomorrow's History Part I, II.*

6. *Man and Islam Part I, II.*
7. *Where Shall We Begin ? Part I, II, III, IV, V, VI, VII.*
8. *Mission of a Free Thinkers.*
9. *Extraction and Refinement of Cultural Resources.*
10. Ideologi Kaum Intelektual.
11. Tugas Cendikiawan Muslim.
12. Kritik Islam Atas Marxisme dan Sesat-pikir Barat lainnya.
13. Rasulullah s.a.w. Sejak Hijrah Hingga Wafat.
14. Haji
15. Fatimah Az-Zahra, Peribadi Agung Putri Rasulullah s.a.w.

IV Kajian-kajian lepas

Kajian tentang pemikiran Ali Shariati telah banyak dibuat oleh para sarjana. Penulis sempat meneliti empat tulisan tentang Ali Shariati di dalam bahasa Inggeris iaitu:

- 1- Mangol Bayat, Philipp, "Shiism in Contemporary Iranian Politics : The case of Ali Shariati " in Elie Kedourie and Sylvia G. Haim, (eds) Toward A Modern Iran. (London: Frank Cass, 1980).
- 2- Sachedina, Abdul Aziz, "Ali Shariati : Ideaologue of the Iranian Revolution", in John L. Esposito (ed), Voices of Resurgent Islam, (New York: Oxford, 1983).

- 3- Soheyl Amini, "A Critical Assessment of Ali Shariati's Theory of Revolution", in Ahmad Jabbari and Robbert Olson (eds), *Iran, Essays on a Revolution in the Making*, (U.S.A.:Kentucky, 1981).
- 4- Ali Rahnema, "Ali Shariati: Teacher, Preacher, Rebel" in Ali Rahnema, (ed), *Pioneers of Islamic Revival*. (Malaysia: S. Abdul Majid & Co, 1995).

Di dalam bahasa Melayu terdapat empat kajian yang baik ditulis oleh:

- 1- Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*. (Kuala Lumpur, 1987).
- 2- Jalaluddin Rahmat, "Panggilan Untuk Ulil Albab", dalam Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*. (Kuala Lumpur, 1987).
- 3- Ervand Abramamian, "Ali Shariati: Ahli Teori Revolusi Iran", dalam Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*. (Kuala Lumpur, 1987).
- 4- Suroosh Irfani, "Ali Shariati dan Arus Kesedaran Baru", dalam Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*. (Kuala Lumpur, 1987).

Mangol Bayat – Philipp, di dalam tulisannya yang bertajuk "Shi'ism in Contemporary Iranian Politics: The Case of Ali Shariati", menyatakan bahawa Shariati kelihatan seperti menolak Tradisionalisme, Westernisme (ideologi Barat) dan juga Marxisme. Walau bagaimanapun, beliau telah mengambil ketiga-tiga ideologi tersebut. Beliau mengambil sesuatu yang ideal dalam tradisi Syiah dan mentafsirkannya semula supaya sesuai dengan situasi semasa atau kontemporari. Ideologi Barat pula membantunya memperbaiki konsep dan nilai Islam Syiah sekurang-kurangnya setanding

dengan Barat. Manakala idea Marx pula mempersiapkannya dengan idea revolusi dan pertentangan dua jenis manusia. Ideologi Islam Syiah beliau membantunya menolak tradisionalisme tanpa merujuk kepada Barat sebagai alternatif dan dalam masa yang sama menolak Barat tanpa perlu merujuk kepada tradisionalisme. Beliau juga melahirkan dua jenis pengikut iaitu yang pertama ialah golongan agama yang percaya bahawa mereka perlu menentang golongan yang tidak percaya agama dan kedua ialah golongan yang berfikiran politik dan mahu melakukan revolusi.²

Menurut Mangol Bayat lagi, perjuangan Shariati bersifat dua dimensi. Dalam satu dimensi, beliau amat prihatin terhadap perbezaan budaya setempat dan berbangga dengan tradisi budayanya yang bertentangan dengan dunia Barat, di mana beliau tidak menolak juga tidak menerima sepenuhnya budaya Barat tersebut. Dalam dimensi yang lain pula, di dalam bangsanya sendiri, beliau menentang dua budaya yang berbeza iaitu budaya lama iaitu budaya “percaya tanpa berfikir” dan budaya baru iaitu “ budaya moden dan sekular “ yang menggunakan metod sains dalam menilai prinsip Islam Syiah. Kedua-dua sistem nilai ini dipegang oleh dua kumpulan yang berbeza dalam masyarakatnya. Oleh itu, beliau cuba menambah satu dimensi atau budaya baru. Beliau membawa gagasan “Islamic Protestantism” sepertimana yang telah berlaku di Barat pada Zaman Pertengahan. Ia bertujuan untuk membersihkan Islam daripada elemen luar yang dibawa berzaman lamanya oleh rejim pemerintah yang zalim, budaya mewah, perhezaan kelas manusia, kepentingan diri, ulamak yang lalai dan lain-lain kelemahan, untuk kembali semula kepada Islam yang asal iaitu Islam 14 abad yang lalu. Walau bagaimanapun, idea

Shariati tidak banyak berubah dengan prinsip asas Syiah iaitu Islam sebenar ialah Islam Syiah Imamiyah, agama protes, peperangan suci dan mati syahid.

Antara idea Shariati yang diketengahkan oleh Mangol ialah Shariati menekankan konsep ijтиhad dan mengenepikan dogma terhadap agama. Dan baginya tugas ini perlu dilakukan oleh golongan *raushanfikr* iaitu golongan intelektual yang boleh membezakan Islam sebenar daripada Islam yang dicemari. Golongan intelektual juga perlu menyedarkan masyarakat tentang kepimpinan imam kerana menurutnya umat tidak akan wujud tanpa kepimpinan imam. Shariati juga menerangkan bahawa Islam adalah satu ideologi untuk merealisasikan revolusi sosial yang bertujuan menghapuskan kelas dalam masyarakat.

Shariati cuba menentang kapitalisme, demokrasi dan kebebasan individu yang beliau percaya merupakan simbol bagi Barat. Sebaliknya, beliau memperjuangkan agama Islam kerana ia merupakan simbol golongan massa iaitu golongan yang tertindas. Beliau berharap dapat mempertahankan budaya setempatnya daripada musuh dari dalam dan luar. Bagi Mangol, ideologi Syiah Shariati membuktikan bahawa, pertama, agama adalah semata-mata untuk revolusi, bukannya revolusi adalah semata-mata untuk agama sebagaimana yang didakwa olehnya. Kedua, secara ironi, reaksi militan sudah cukup untuk menentang konsep Barat.³

Sachedina, Abdul Aziz pula dalam tulisannya “ Ali Shariati : Ideaologue of the Iranian Revolution”, menyatakan bahawa adalah tidak mudah untuk menganalisa

personaliti seperti Ali Shariati. Ini adalah kerana pemikiran dan tindakan beliau kelihatan wujud dalam pelbagai dimensi. Shariati cuba mengasaskan satu disiplin yang disebut sebagai *Islamology* (ideologi Islam), untuk mengaplikasi Islam selaras dengan keperluan semasa. Bagi beliau Islam adalah agama yang mempunyai pelbagai dimensi yang mampu menyangut cabaran zaman moden. Ianya berbeza dengan *Islamic Studies* (pengajian Islam) yang diajar di sekolah dan universiti yang berasaskan institusi yang menyumbang kepada keunggulan zaman tradisional. Islamologi sebaliknya menyediakan panduan yang perlu kepada masyarakat Islam yang moden tentang peringkat praktikal dalam memahami Islam yang telah diwahyukan dengan cara mentafsirkannya semula mengikut keperluan semasa.

Bagi Abdul Aziz sumbangan Shariati kepada kebangkitan semula Islam harus dilihat dalam kaitannya dengan Islamologi dan perubahan peranan golongan intelektual kepada Muslim moden yang membawa tiga peranan iaitu guru – pendakwah – pembawa perubahan (teacher – preacher – reformer). Ideologi Islamnya merupakan sosiologi baru, Islam baru yang praktikal, berbeza dengan apa yang disampaikan oleh pendakwah tradisional. Ideologi Islam ini mampu menjadi saingan kepada Marxisme dan konsep masyarakat Barat serta menjadi popular di kalangan golongan muda Iran yang memahami dengan jelas kandungan revolusi yang dibawa oleh Shariati menerusi tulisan-tulisan dan kuliah yang disampaikannya.⁴

Seterusnya Abdul Aziz mengulas konsep manusia berdasarkan perspektif Shariati yang mana konsep manusia adalah berdasarkan tafsiran simbolik daripada bahasa yang

digunakan oleh agama iaitu bahasa al-Quran. Ini adalah kerana, pertama, bahasa ini ditujukan kepada jenis manusia yang berbeza. Kedua, ianya tidak dihadkan kepada waktu yang tertentu. Contohnya, manusia telah diberikan amanah sebagai khalifah di muka bumi. Amanah menurut Shariati patut ditafsirkan sebagai “kebebasan memilih”, kerana ramai di kalangan manusia yang memegang amanah ini jahil dan melakukan kezaliman dan sepatutnya mereka memilih untuk bersifat adil dan berilmu. Bercakap tentang Tawhid pula, Shariati mengatakan bahawa Tawhid adalah asas kepada segala prinsip iaitu asas kehidupan individu dan masyarakat Islam. Menurutnya lagi, kerosakan, kemusnahan dan keruntuhan moral manusia dan masyarakat disebabkan oleh tiga elemen iaitu jahil, takut dan tamak. Dan Tawhid menghapuskan ketiga-tiga elemen ini. Dengan Tawhid manusia akan menjadi bebas, selamat, tidak takut dan tidak tamak. Di samping Tawhid, Tuhan juga mengajar manusia tentang nama-nama, dan ini menunjukkan manusia perlu memahami kebenaran sains dan belajar melalui kaedah empirikal tentang tanggungjawab terhadap diri dan masyarakatnya.

Abdul Aziz juga menjelaskan bahawa, Shariati telah menggariskan kriteria seorang sarjana Islam. Pertama, mestilah memahami al-Quran (Quranologists) dan boleh menerangkan isi al-Quran tersebut. Kedua, memahami kenabian Muhammad s.a.w. (Propetologists) dan boleh menerangkan biografi, tradisi dan budaya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ketiga, mestilah faham dan biasa dengan sejarah Islam serta mengetahui tentang imam-imam dan sahabat baik Rasulullah s.a.w. Keempat, walaupun memahami keseluruhan kebudayaan Islam, mestilah mempunyai pengkhususan kepada salah satu bidang seperti falsafah Islam, sejarah Islam, undang-undang dan lain-lain.

Menurut Abdul Aziz lagi, sebahagian idea Shariati yang berkongsi dengan Marx iaitu perbincangan tentang pertentangan kelas menimbulkan kontroversi dan meyediakan ruang kepada kritikan terhadap ideologinya setelah kematian beliau. Abdul Aziz turut mengkritik idea Shariati di mana beliau menyatakan bahawa Shariati gagal menunjukkan sejauh mana keberkesanan “pentafsiran / interpretasi semula” jika ilmu hukum tradisional ditinggalkan. Di samping itu, Shariati tidak memberi bukti yang serius yang menunjukkan Islam merupakan ideologi yang lebih baik berbanding dengan yang lain untuk berhadapan dengan modenisasi Barat. Walau bagaimanapun menurutnya, ideologinya memuaskan berbanding ideologi sezamannya dan menjadikan revolusi satu kenyataan pada 1979.⁵

Menurut Soheyl Amini di dalam tulisannya “A Critical Assessment of Ali Shariati’s Theory of Revolution”, Ali Shariati telah berjaya melakukan pra-revolusi di Iran. Beliau diterima kerana gagasan yang dibawa olehnya tidak asing kepada kepercayaan mereka iaitu Islam. Beliau merupakan ahli sosiologi yang pertama dalam dunia kontemporari Iran yang menyediakan teori komprehensif tentang revolusi dan teori ini adalah teori Islam. Walau bagaimanapun, menurut Soheyl Amini, dalam teori revolusi Shariati jelas menunjukkan tiada kecenderungan terhadap kekuasaan selain doktrin dalam ajaran Islam secara umum. Tetapi, ini bertentangan dengan kedudukan Shariati yang bersifat nasionalisme. Walaupun Shariati menentang nasionalisme, namun, kelihatan baginya, masyarakat yang ideal ialah masyarakat Syiah yang mempunyai “hak daripada Tuhan” iaitu status sebagai pemimpin umat yang mereka sebut sebagai Imam. Atau

dalam erti kata lain, beliau berpendapat bahawa hanya Imam Syiah sahaja yang layak memimpin revolusi.

Dalam pandangan hidup Tawhid pula menurut Soheyl Amni, Shariati membezakan antara sejarah Islam dan sejarah manusia. Untuk memahami teori Shariati tentang agama, perlulah memahami metod yang digunakannya iaitu metod dialektik (pertentangan) yang diambil daripada Marxisme. Contohnya, untuk memahami pandangan hidup Tawhid secara keseluruhan, seseorang perlu mengetahui tentang perkara yang bertentangan dengannya iaitu Syirik. Seterusnya terdapat dua turutan dalam pandangan hidup Tawhid iaitu, pertama masyarakat yang unggul dan yang kedua ialah individu yang unggul.⁶

Di dalam tulisan Ali Rahnema yang bertajuk “*Ali Shariati: Teacher, Preacher, Rebel*” dalam bukunya “*Pioneers of Islamic Revival*”, Ali Rahnema memperihalkan Ali Shariati yang dianggapnya sebagai seorang guru, pendakwah dan pemberontak secara kronologi.

Beliau memulakan tulisannya dengan latar-belakang keluarga Shariati, zaman kanak-kanak dan dewasanya, warisan politik Shariati, kegiatan-kegiatan Shariati semasa di Universiti, Shariati sewaktu di Paris, kembalinya Shariati ke Iran dan akhirnya hijrah serta kematiannya.

Menurut Ali Rahnema, sewaktu di Paris, Shariati merasai bahang modenisasi Barat, pencapaian material, liberalisasi, demokrasi parlimen dan lain-lain. Semua ini telah disematkan ke dalam hati ramai para intelektual yang mendapat pendidikan Barat. Apabila mereka pulang ke tanah air, mereka membawa bersama model Barat ini dan jadilah mereka sebagai topeng penajah. Ini yang dimaksukan oleh Shariati sebagai asimilasi.

Menurut Ali Rahnema lagi, Shariati cuba menjelaskan bahawa golongan intelektual yang sebenar ialah mereka yang mempunyai tanggung-jawab sosial serta misi untuk berkomunikasi dengan masyarakat tentang matlamat mereka sehingga masyarakat tersebut mencapai tahap “sedar” dan seterusnya memimpin masyarakat untuk melakukan revolusi. Shariati juga menjelaskan bahawa proses komunikasi yang efektif dan berkesan dengan masyarakat serta mampu mengukuhkan matlamat dan keunggulan masyarakat, memerlukan bahasa dan pengalaman yang sama di antara golongan intelektual dan masyarakat agar masyarakat boleh memahami dengan mendalam tentang sistem kepercayaan mereka.

Menurut Ali Rahnema lagi, golongan ilmuwan pada zaman Shariati mengaitkan Islam dengan kepercayaan tahuyl dan status quo. Lalu, Shariati muncul dengan menunjukkan bahawa Islam adalah progresif dan mesej Islam yang sebenar ialah amat prihatin terhadap liberalisme, kebebasan, persamaan, aspek rohani, menentang kekerasan politik dan eksplorasi ekonomi.⁷

Menurut Ali Rahnema lagi, sistem pendidikan Barat yang diterima oleh Shariati membuka matanya tentang tafsiran orang bukan Syiah terhadap Syiah. Sebagai seorang reformer, beliau lebih berminat menganalisa ideologi Islam tentang konsep kesaksamaan (egalitarian), kemanusiaan (humanisme), mistik dan juga imej Islam yang salah. Beliau juga prihatin terhadap sosio-politik, mesej serta implikasi tulisan-tulisan tentang isu-isu Islam. Sumber-sumber yang digunakannya tidak dogmatik dan tidak banyak digunakan oleh ilmuwan Iran yang lain. Oleh sebab itu, ada yang menuduhnya Sunni atau Wahabi.

Artikelnya yang paling kontroversi ialah “Idola saya” (My Idols). Di dalam artikelnya ini, Shariati memuji gurunya dari Barat bernama Louis Massignon, seorang Perancis yang terkenal dan beragama Katolik. Artikel ini akhirnya digunakan oleh musuhnya untuk menentang beliau. Shariati menganggap Massignon sebagai seorang yang genius, sempurna serta memiliki rohani yang baik. Dalam tahun 1960-1962, Shariati bekerja sebagai pembantu penyelidik kepada Massignon. Shariati amat menyanjunginya sehingga di dalam autobiografinya Shariati menyatakan Massignon memberi perubahan dalaman yang penting kepada dirinya. Sepertimana Mullana Masnavi yang mengubah visi dan pandangan hidupnya semasa awal dewasa, begitu jugalah yang dilakukan oleh Massignon semasa awal kematangannya. Menurutnya Massignon telah mengajarnya seni untuk “melihat” (seeing). Di samping Massignon, Shariati juga mengagumi George Gurvitch yang dianggapnya sebagai Abu Zar di Barat serta beberapa orang gurunya seperti Frantz Fanon, Jacquer Berque, Jean Cocteau, Alexis Carrel dan lain-lain.⁸

Ali Rahnema juga mengulas beberapa idea penting Shariati yang ditulisnya dalam *Eslamshenasi* atau Islamologi. Islamologi bertujuan pertamanya menunjukkan kemodenan, persamaan dan demokrasi adalah selari dengan Islam. Beliau merujuk kepada al-Quran yang banyak memperihalkan sains, sementara dalam politik pula terdapatnya konsep yang demokrasi seperti *shura* dan *ijmak*. Shariati juga menegaskan bahawa semua manusia dilahirkan setaraf, oleh itu setiap individu perlu ada kebebasan. Kedua, mengenal pasti halangan-halangan untuk merealisasikan Islam yang unggul. Shariati merujuk halangan ini kepada sistem monarki dan institusi agama atau ulamak yang formal kerana menurutnya, politeisme juga dirujuk kepada orang yang bertindak memonopoli seperti Tuhan. Ketiga, menunjukkan kenapa menjadi tanggungjawab orang yang benar-benar percaya pada konsep Tawhid atau monotheism untuk berhadapan dan menyelesaikan halangan-halangan yang tersebut. Ini adalah kerana menurut Shariati, monoteism mampu menentang tuhan-tuhan palsu.⁹

Ali Rahnema menyimpulkan peranan Shariati yang utama ialah menyatakan idea dengan teratur tentang ideologi Islam yang radikal dan meyakinkan golongan sosialis bahawa Islam sama dengan ideaologi-ideologi yang bersifat revolusi yang lain. Beliau telah dikenali sebagai perintis yang menyumbang kepada kejayaan Revolusi Islam Iran.

Di dalam bukunya, “Warisan Ali Shariati”, Ahmad Shabery Cheek, memulakan dengan pertanyaan “Mengapa Shariati?”. Jawapan beliau ialah kerana kehadiran Dr. Ali Shariati dalam tahun 1960an dan 1970an, dengan membawa pendekatan dan gagasannya

tersendiri terhadap Islam, telah berjaya memberi jawapan kepada generasi muda Iran untuk melepaskan diri mereka dari satu kemelut.

Kemelut yang dimaksudkan ialah kelahiran dua golongan masyarakat utama yang berbeza dari segi kedudukan dan nilai hidup. Golongan pertama ialah golongan elit sekular yang mendapat pendidikan Barat dan menyanjung Barat sehingga mereka memandang rendah kepada budaya rakyat jelata. Golongan kedua ialah pembela masyarakat tradisional yang berkhayal dengan keagungan zaman silam serta takut terhadap kemodenan dan pembangunan. Mereka ini termasuklah pemimpin masyarakat desa dan pemimpin agama yang menguasai masjid dan madrasah. Di tengah-tengah kedua golongan utama ini ialah golongan muda yang dinamik dan cergas, tetapi dahagakan bimbingan untuk menghadapi cabaran dalam mencapai kemajuan hidup.

Menurut Ahmad Shabery Cheek kemunculan Ali Shariati dari golongan intelek dan latar belakang pendidikan Islamnya membolehkan beliau menggabungkan pemahaman beliau terhadap kekuatan yang ada dalam Islam dan pemasalahan masyarakat bagi menjawab pemasalahan tersebut. Keupayaan beliau menggunakan kaedah sosiologi yang saintifik untuk mengenal dan memahami Islam dan masyarakatnya merupakan titik baru dalam pentafsiran kembali ajaran Islam. Beliau mengajak masyarakatnya kembali kepada ajaran Islam yang tulen iaitu Islam yang telah diutuskan oleh Nabi Muhammad sendiri bukannya Islam yang ditonjolkan oleh khalifah feudal selepasnya. Shariati mendukung Islam sebagai ideologi yang revolusionari, terlepas dari kongkongan ajaran

dogmatik yang jumud. Inilah yang dikatakan arus pemikiran baru yang dibawa oleh Shariati, bukan sahaja kepada masyarakat Iran, malah umat Islam keseluruhannya.¹⁰

Bagi Jalaluddin Rahmat dalam tulisannya “Ali Shari’ati: Panggilan Untuk Ulil Albab”, Ali Shariati yang mempunyai kesedaran sejarah yang mendalam, cuba menjelaskan bahawa para nabi Ibrahimiyah adalah pelanjut perjuangan Habil. Mereka lahir di tengah-tengah massa (ummi), lalu memperolehi tingkat kesedaran (hikmah) serta sanggup megubah satu masyarakat yang rosak dan beku menjadi kuat dan kreatif. Mereka datang dengan suatu ideologi pembebasan. Manakala sebagai pelanjut Qabil pula, Shariati menyebut empat manusia yang di dalam al-Quran dilambangkan dengan Firaun, Haman, Qarun dan Balam. Firaun adalah penguasa yang zalim, Haman adalah ilmuwan yang menyalahgunakan ilmu, Qarun adalah pemilik sumber kekayaan yang rakus dan Balam adalah golongan agama yang bersekongkol dengan kerajaan yang zalim.

Menurut Jalaluddin lagi, Ali Shariati dalam salah satu karyanya, “Hussain, Pewaris Adam”, menyatakan bahawa Islam bukanlah ideologi manusia yang terbatas pada masa dan ruang tertentu, tetapi merupakan arus yang mengalir sepanjang perjalanan sejarah. Arus ini tidak pernah berhenti. Setelah ketiadaan para nabi, orang yang berperanan sebagai nabi dan melanjutkan perjuangan Habil ialah kaum intelektual atau *rausyanfikr*. *Rausyanfikr* adalah perkataan Parsi yang bermaksud “pemikir yang menceraikan”. Dalam bahasa Inggeris, disebut *intellectual* atau *free thinkers*. Rausyanfikr berbeza dengan ilmuwan kerana ilmuwan mencari kenyataan, menampilkan fakta sebagaimana yang terdapat, berbicara dengan bahasa universal dan bersikap neutral.

Sebaliknya, *rausyanfikr* mencari kebenaran, memberi penilaian sebagaimana yang seharusnya, berbicara dengan bahasa kaumnya dan melibatkan diri pada ideologi. Seterusnya sejarah dibentuk oleh golongan ini. Dalam masyarakat Islam, seorang intelektual bukan sahaja seorang yang memahami sejarah bangsanya dan sanggup melahirkan gagasan-gagasan yang cemerlang, tetapi juga menguasai ajaran Islam. Menurut Jalaluddin, untuk pengertian ini, al-Quran sebenarnya mempunyai istilah khusus iaitu *ulil albab*. Dan perkataan ini disebut sebanyak enam belas kali di dalam al-Quran. Antaranya ialah *Ulil albab* merupakan orang yang diberi hikmah (2:269), yang sanggup mengambil pelajaran dari sejarah umat terdahulu (12:111), kritis mendengar perbicaraan dan pemikiran orang (39:18) dan lain-lain lagi.

Menurut Jalaluddin lagi, sifat-sifat *ulil albab* terdapat dalam diri Ali Shariati dan perbicaraan serta pandangannya merupakan panggilan untuk *ulil albab*. Antara kalimah seruannya adalah yang bermaksud, “Hai *Ulil albab*, anda tidak boleh puas dengan ilmu yang sudah anda miliki. Ilmu harus anda bawa ke tengah-tengah umat. Lanjutkan perjuangan para rasul....”. Seterusnya Jaluluddin membuat kesimpulan bahawa Ali Shariati menulis dan berbicara dengan rasional dan emosi sekaligus. Beliau bukan seorang yang neutral, pernyataannya tidak hanya informatif, tetapi juga persuasif.¹¹

Menurut Ervand Abrahamian pula dalam tulisannya “Ali Shariati : Ahli teori Revolusi Iran”, orang Barat lazimnya menganggap Revolusi Iran sebagai satu gerakan tradisional dan anti-asing yang menolak segala yang moden dan bukan Islam dan ini

menafikan sumbangan Ali Shariati, ahli teori utama Revolusi Iran. Ali Shariati mendapat ilhamnya dari sosiologi Barat khasnya sosiologi Marxis dan juga ajaran Islam.

Bagi Ervand, pembaca yang cuba mendekati Shariati akan menghadapi beberapa kesulitan kerana terdapat tiga wajah Shariati yang berlainan. Pertama, seorang ahli sosiologi yang berminat terhadap hubungan dialektika serta berminat dalam memahami kelahiran, pertumbuhan dan kemerosotan gerakan revolusionari. Kedua, seorang mukmin yang teguh serta percaya kepada dakwaan bahawa ajaran revolusionari Syiah tidak akan tunduk kepada birokrasi. Ketiga, seorang ahli pidato yang terpaksa berhadapan dengan ancaman polis SAVAK yang menuduhnya sebagai seorang “Marxis Islam” serta pemimpin ulama konservatif.

Menurut Ervand lagi, pada zamannya, Shariti mengatakan bahawa Iran berada pada tahap pembangunan yang serupa seperti Eropah sebelum reformasi, oleh itu, mujadid politik perlu belajar daripada Luther dan Calvin dalam melaksanakan tugas yang wajar bagi persekitaran mereka. Namun, Shariati juga menegaskan para ulama ketika itu bukan seperti kaum paderi Eropah zaman pertengahan yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas golongan borjuis dan rakyat jelata.

Mengenai teori politik Ali Shariati menurut Ervand, beliau berpendapat bahawa negara-negara Dunia Ketiga, seperti Iran, memerlukan dua revolusi secara serentak iaitu revolusi nasional yang akan mengakhiri semua aspek penguasaan dan revolusi sosial yang akan mengakhiri semua bentuk penindasan, kemiskinan dan kapitalisme di samping

mewujudkan satu masyarakat yang adil, dinamik dan tanpa kelas. Dan tugas melaksanakan kedua-dua revolusi ini terletak dibahu golongan intelektual kerana golongan ini yang boleh memahami pertentangan dalam masyarakatnya.

Mengenai sikap Shariati terhadap Marxisme pula menurut Ervand, adalah mengelirukan jika tidak melihat kepada definisi yang diberikan oleh Shariati tentang Marx. Bagi Shariati, terdapat tiga wajah Marx yang berlainan dan tiga aliran Marx yang berasingan. Pertama Marx muda iaitu seorang ahli falsafah atheis yang mempelopori materialisme dan dialektika serta menafikan kewujudan Tuhan, roh dan akhirat. Kedua, Marx dewasa iaitu seorang ahli sains sosial yang mendedahkan bagaimana golongan-golongan pemerintah yang menindas golongan yang diperintah, pentingnya pengaruh sejarah serta bagaimana kebudayaan sesuatu bangsa dan institusi politik serta infrastruktur sosio-ekonomi yang saling mempengaruhi. Ketiga, Marx tua iaitu seorang ahli politik yang membentuk sebuah parti revolusioner yang kerap membuat ramalan politik tidak berdasarkan teori dan kaedah ilmu sosial. Dan Shariati jelas menolak yang pertama dan ketiga tetapi menerima kebanyakan daripada yang kedua.¹²

Sementara seorang lagi sarjana iaitu Suroosh Irfani dalam tulisannya “Ali Shariati dan Arus Kesedaran Baru” menyatakan, Dr. Ali Shariati merupakan intelektual yang melambangkan gerakan Islam yang maju, cenderung kepada progresif dan revolusioner ke arah pembebasan umat Muslim dari segi intelektual, sosio-ekonomi, budaya dan politik. Menurutnya juga, Shariati juga turut dipengaruhi oleh perjuangan bersenjata tersusun untuk menentang pemerintah Pahlevi.

Menurut beliau, dua revolusi yang dibayangkan oleh Shariati iaitu revolusi nasional dan revolusi sosial akan diteruskan oleh golongan intelektual. Tetapi pengasingan golongan intelektual daripada Islam dan dimensi revolucioner merupakan faktor utama yang melambatkan revolusi rakyat jelata di kebanyakan negara Islam. Oleh itu, tumpuan Shariati ialah untuk menarik perhatian golongan intelektual dan belia terpelajar terhadap Islam sebagai ideologi revolucioner. Dengan pendedahannya kepada sosiologi, sejarah dan sejarah perjuangan revolusi abad ke 20, Shariati menyampaikan Islam dengan cara yang mudah difahami oleh pendengar dan pembacanya.

Menurut Suroosh lagi, Shariati mencadangkan penggunaan kaedah yang beliau percaya pernah digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk membawa perubahan masyarakat dan insan di kalangan umatnya. Kaedah ini berbeza dengan kaedah-kaedah konservatif, revolucioner dan reformis. Baginda S.A.W mengelakkan bentuk dan amalan adat yang berakar umbi dalam masyarakat dan telah menjadi kebiasaan daripada satu generasi kepada generasi lain, tetapi baginda S.A.W mengubah kandungannya. Baginda menukarkan semangat, arah dan penggunaan amalan adat ini secara revolusi, tegas dan tanpa berlengah. Di sini, Shariati berpendapat bahawa kaedah Rasulullah s.a.w. mempunyai ciri-ciri positif kesemua kaedah lain.

Menurut beliau lagi, konsep sosiologi Shariati juga berasal daripada al-Quran dan sumber Islam yang lain. Menurutnya, hanya dua bentuk masyarakat boleh wujud iaitu masyarakat berteraskan tawhid dan masyarakat yang berteraskan syirik. Perbezaan antara

dua pandangan dunia ini (tawhid melawan syirik) bukanlah sekadar perbezaan kecil. Dalam sejarah, agama berdasarkan syirik telah menghalalkan syirik sosial seperti pembahagian masyarakat sama ada dari segi ekonomi, moral ataupun kaum. Oleh demikian, perperangan sejarah adalah agama menentang agama. Tetapi Shariati menegaskan bahawa golongan intelektual telah gagal membezakan antara pandangan dunia syirik dan pandangan dunia tawhid, yakni satu kesilapan yang masih diteruskan oleh golongan intelektual moden sehingga hari ini.¹³

NOTA HUJUNG

-
- ¹ *Kamus Dewan*, DBP, Kuala Lumpur, 1998, hlm 1355.
- ² Elie Kedouri & Sylvia G. Halim, *Towards A Modern Iran: Studies in Thought, Politics and Society*, Frank Cass & Co, London, 1980, hlm 155-167.
- ³ *Ibid*, hlm 155-167.
- ⁴ John L. Esposito, *Voice of Resurgent Islam*, Oxford University Press, New York, 1993, hlm 196-212.
- ⁵ *Ibid*, hlm 197-212.
- ⁶ Ahmed Jabbari & Robert Olson, *Iran: Essay On A Revolution In The Making*, Mazda Publisher, Kentucky, U.S.A., 1981, hlm 77-96.
- ⁷ Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, S. Abdul Majeed & Co, Kuala Lumpur, 1995, hlm 218-220.
- ⁸ *Ibid*, hlm 220-225.
- ⁹ *Ibid*, hlm 227-233.
- ¹⁰ Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*, Ikraq, Kuala Lumpur, 1987, hlm v-ix
- ¹¹ *Ibid*, hlm 1-10.
- ¹² *Ibid*, hlm 11-12.
- ¹³ *Ibid*, hlm 24-38.